



# **KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2023**

## **INISIATIF RANGKA KERJA PEMBIAYAAN BAGI PEMBANGUNAN MAMPAN**

**8 SEPTEMBER 2022 | KHAMIS**

## KERTAS KONSULTASI AWAM

### INISIATIF RANGKA KERJA PEMBIAYAAN BAGI PEMBANGUNAN MAMPAN

Kertas Konsultasi Awam (KKA) yang diterbitkan ini merupakan salah satu langkah di dalam proses penyediaan Bajet 2023. Salinan kertas konsultasi ini boleh dimuat turun daripada laman web rasmi Kementerian Kewangan <https://budget.mof.gov.my/bajet2023/kertaskonsultasi/>

Kementerian Kewangan menjemput semua pihak mengemukakan maklum balas bertulis ke atas cadangan yang dibentangkan di dalam kertas konsultasi ini pada atau sebelum jam 5.00 petang 22 September 2022 melalui: <https://forms.gle/qGV4t8WtJmwVuzJA6>

Maklum balas yang diterima akan digunakan sebagai input bagi tujuan penetapan dasar penggunaan barangan, perkhidmatan dan teknologi hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dalam perolehan Kerajaan. Maklumat berkaitan data persendirian seperti nama tidak akan didedahkan jika dinyatakan secara jelas di dalam maklum balas,

Soalan dan keperluan maklumat lanjut boleh dikemukakan melalui emel [fed@treasury.gov.my](mailto:fed@treasury.gov.my)

Bahagian Fiskal dan Ekonomi  
Kementerian Kewangan

8 September 2022

## ISI KANDUNGAN

<b>NO.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>M/SURAT</b>
1.	<b>OBJEKTIF</b>	<b>3</b>
2.	<b>Pengenalan &amp; Latar Belakang</b>	<b>4</b>
3.	<b>INISIATIF YANG SEDANG DILAKSANAKAN DAN INISIATIF BAHARU YANG DICADANGKAN</b>	<b>6</b>
4.	<b>JANGKAAN IMPAK</b>	<b>10</b>
5.	<b>RUMUSAN</b>	<b>11</b>
6.	<b>SOALAN DAN MAKLUM BALAS</b>	<b>11</b>

## 1. OBJEKTIF

1.1. Kertas konsultasi ini menggariskan inisiatif semasa dan cadangan pelaksanaan beberapa inisiatif baharu ke arah pembangunan kewangan lestari di Malaysia. Ia disediakan bagi mendapatkan input dan pandangan awam ke atas inisiatif dan cadangan tersebut melalui proses semakan secara menyeluruh serta cadangan penambahbaikan dan seterusnya pewujudan satu rangka kerja pembiayaan ke arah Agenda Matlamat Pembangunan Mampan di negara ini.

1.2. Cadangan ini adalah perlu bagi:

- i. Memastikan rangka kerja pembiayaan bagi pembangunan mampan yang akan dibangunkan adalah komprehensif, praktikal dan sesuai dilaksanakan di Malaysia dalam usaha mencapai sasaran pelepasan gas rumah kaca (GHG) bersih sifar (*net-zero*) seawal-awalnya tahun 2050;
- ii. Mencapai sasaran yang digariskan dalam pelan pembangunan jangka sederhana dan panjang terutamanya Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan seterusnya;
- iii. Membantu mencapai komitmen negara di peringkat antarabangsa seperti di bawah Konvention Rio 1992 (kepelbagaian hidup, perubahan iklim dan pengurusan) serta Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*) 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

## 2. PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

- 2.1. Sebagai sebuah negara sedang membangun yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, Malaysia sentiasa terdedah kepada pelbagai risiko dari dalam mahupun luar negara, terutamanya kepada sektor ekonomi. Pertumbuhan ekonomi global dijangka akan berkurang daripada 5.5% pada 2021, kepada 4.1% pada 2022. Bagi Malaysia, susulan pemulihan ekonomi pada 2021, Bank Dunia mengunjurkan bahawa pertumbuhan tersebut akan terus berkembang walaupun dengan kadar yang lebih perlahan pada 2022 terutamanya akibat ancaman varian baharu COVID-19, perang Russia-Ukraine, peningkatan kadar inflasi dan tahap hutang yang meningkat. Perkara ini juga turut didorong oleh ketidakseimbangan di antara permintaan terhadap sumber bahan mentah dan tenaga yang kian meningkat berbanding keupayaan pembekalan sumber-sumber tersebut yang terhad, serta langkah pengurangan sokongan fiskal dan kewangan oleh kerajaan-kerajaan di seluruh dunia.
- 2.2. Selepas hampir dua tahun berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19, pada tahun ini Malaysia bukan sahaja akan melihat proses pemulihan akan berterusan, malah ia juga akan memberi penekanan kepada dasar-dasar penyusunan semula, atau *policy reforms*. Selain daripada indikator ekonomi yang lebih positif baru-baru ini, unjuran pertumbuhan ekonomi negara yang dijangka pada kadar 5.5-6.5% akan turut dipacu oleh inisiatif Bajet 2022 yang terus mengembang. Ini termasuk inisiatif yang menyepadukan pelbagai aspek kemampunan selaras dengan agenda SDG, pembangunan rendah karbon, pertumbuhan hijau serta agenda perubahan iklim dunia.
- 2.3. Pada masa ini, perancangan bagi memastikan Malaysia mencapai Agenda SDG, pembangunan rendah karbon, pertumbuhan hijau serta agenda perubahan iklim negara dalam jangka masa sederhana dan panjang telah diselaraskan melalui Rancangan Malaysia Lima Tahun. Kementerian Kewangan (MOF) turut terlibat secara langsung melalui peranan dan

tanggungjawab selaku Pengerusi Jawatankuasa Kewangan bagi Pembangunan Mampu yang memberi tumpuan kepada keperluan pembiayaan bagi pelaksanaan SDG di seluruh negara.

- 2.4. Sehubungan itu, MOF telah mengambil beberapa inisiatif untuk menyelaraskan keperluan pembiayaan ke arah mencapai SDG, pembangunan rendah karbon, pertumbuhan hijau serta agenda perubahan iklim negara. Inisiatif ini termasuk memastikan keperluan pembiayaan dalam jangka masa pendek untuk pelaksanaan inisiatif, program dan projek bagi mencapai Agenda SDG, pembangunan rendah karbon, pertumbuhan hijau serta agenda perubahan iklim dapat diselaraskan dengan lebih baik, cekap dan mampan.
- 2.5. Dalam hubungan ini, adalah penting satu rangka kerja pembiayaan bagi pembangunan mampan dirangka bagi membolehkan semua perancangan dan pelaksanaan program dan projek ke arah pembangunan di negara ini berpandukan kepada Agenda SDG, pembangunan rendah karbon, pertumbuhan hijau dan agenda perubahan iklim seperti di Rajah 1.

**Rajah 1: Contoh Pembiayaan Bagi Pembangunan Mampan**

<b>Awam</b>	<b>Swasta</b>	<b>Makro dan sistemik</b>	<b>Merentas sektor</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Revenue strategy</li> <li>• National budget</li> <li>• Development programs/projects</li> <li>• Development cooperation strategy</li> <li>• Public investment and national development bank strategy</li> <li>• State-owned enterprises management policy / strategy</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Economic/industrial development strategy</li> <li>• Small- and Medium-Sized Enterprises development strategy</li> <li>• Impact investment / social enterprise policy</li> <li>• Financial sector development strategy (including greening the financial system)</li> <li>• Financial inclusion policy</li> <li>• Sustainability reporting guidelines</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Monetary policy</li> <li>• Exchange rate policy</li> <li>• Capital account management</li> <li>• Debt management strategy</li> <li>• Natural resource management policies</li> <li>• Trade policies</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Trust Funds</li> <li>• Public-private partnership policies</li> <li>• Infrastructure plans</li> <li>• Nationally determined contribution and national adaptation plans</li> <li>• National gender equality strategy</li> <li>• Climate and disaster risk reduction policies</li> <li>• Data/statistics development</li> </ul>

Awam	Swasta	Makro dan sistemik	Merentas sektor
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Financial market regulatory framework</i></li> <li>• <i>Fintech strategies</i></li> <li>• <i>Diaspora engagement policy</i></li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Sector policies (e.g. agriculture)</i></li> </ul>

### 3. INISIATIF YANG SEDANG DILAKSANAKAN DAN INISIATIF BAHARU YANG DICADANGKAN

#### A. Inisiatif Sedia Ada

- 3.1. Agenda Tindakan Addis Ababa PBB 2015 telah menyenaraikan beberapa bidang tindakan khusus, iaitu penggunaan sumber awam dan swasta, kerjasama pembangunan antarabangsa, perdagangan antarabangsa, kemampuan hutang, keselarasan dasar serta pembangunan dan penggunaan sains, teknologi dan inovasi bagi menyokong pelaksanaan dan pencapaian Agenda SDG 2030.
  
- 3.2. Selaras dengan bidang tindakan mengenai penggunaan sumber awam dan swasta, MOF bersama agensi berkaitan seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah menumpu kepada penyediaan sumber kewangan daripada sektor awam dan swasta bagi usaha mencapai pembangunan mampan. Sumber kewangan ini antara lainnya meliputi peruntukan melalui bajet tahunan, penerbitan sukuk, perolehan hijau, serta pembiayaan melalui institusi kewangan dan pasaran modal. Di samping itu, kemudahan kewangan boleh juga disediakan melalui usaha pendanaan secara kerjasama awam dan swasta seperti penubuhan tabung amanah.
  
- 3.3. Bermula dengan Bajet 2021, peruntukan belanjawan tahunan negara telah dijajarkan sepenuhnya dengan agenda SDG. Usaha ini akan membantu memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai

sumbangan peruntukan belanjawan kepada setiap SDG dalam rangka kerja pembangunan negara yang seterusnya membolehkan penilaian dibuat ke atas usaha bagi mencapai Agenda SDG 2030.

- 3.4. Kini, setiap program dan projek dipetakan kepada sekurang-kurangnya satu SDG. Inisiatif ini bukan sahaja membolehkan penilaian ke atas peruntukan belanjawan tahunan dibuat melalui kanta SDG, malah ia dapat mengenal pasti sebarang jurang pembiayaan yang ada merentasi semua SDG, serta mengenal pasti sumber yang diperlukan untuk menanganinya. Dalam menambah baik tahap ketelusan belanjawan negara, MOF kini melaporkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan mengikut SDG dalam dokumen Belanjawan yang disediakan. Malah, Malaysia merupakan salah satu daripada hanya sepuluh negara di dunia yang berbuat demikian.
- 3.5. MOF juga telah mengambil beberapa langkah tambahan bagi mencapai agenda SDG termasuk menerbitkan Sukuk Kelestarian berdaulat pertama di dunia dalam Dolar Amerika Syarikat (USD) pada April 2021, dengan lebih langganan sebanyak 6.4 kali, di mana saiz terbitan adalah sebanyak USD800 juta. Selain itu, permintaan yang tinggi ini juga telah memberikan kadar hasil atau pulangan yang sangat kompetitif, serta pengiktirafan global. Bagi tahun 2022, Kerajaan akan menerbitkan Sukuk Kelestarian sehingga RM10 bilion untuk disalurkan kepada projek sosial atau mesra alam yang layak.
- 3.6. Kerajaan juga telah meningkatkan penggunaan kaedah Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement - GGP*) bagi menyokong penggunaan produk dan perkhidmatan yang mesra alam. Usaha yang dimulakan secara rintis melibatkan 12 Kementerian pada tahun 2016 telah diperluaskan kepada semua Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017. Pada tahun 2020, nilai perolehan hijau Kerajaan bagi kesemua 27 Kementerian adalah berjumlah RM616.8 juta. Kerajaan akan terus meluaskan inisiatif ini serta menambah baik garis panduan untuk meningkatkan inisiatif hijau sektor awam.



- 3.7. Selain itu, Kerajaan telah menubuhkan Yayasan SDG Malaysia (Yayasan MySDG) yang akan bekerjasama dengan PBB di Malaysia dalam menyelaras sebuah Tabung Amanah bagi menyokong usaha kerajaan dalam mencapai agenda SDG negara. Dengan komitmen peruntukan permulaan sebanyak RM20 juta oleh Kerajaan, Tabung Amanah ini akan menjadi sebuah pentas bagi menyelaras geran dan penyaluran peruntukan dengan lebih baik dan cekap daripada pelbagai sumber bagi menjalankan program dan projek berkaitan SDG bagi melengkapi usaha kerajaan ke arah pencapaian agenda SDG melalui program dan projek jangka sederhana dan panjang, selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Ia juga akan membantu merapatkan jurang pembiayaan negara melalui sumbangan daripada sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat sivil (CSO) atau individu dari dalam dan luar negara. Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui kaedah yang telus, teratur, cekap dan tertumpu, bagi menyumbang kepada pencapaian agenda SDG negara.
- 3.8. MOF melalui agensi-agensi di bawahnya turut mengambil pelbagai langkah berhubung pembiayaan bagi pembangunan mampan, yang merupakan pemacu utama kepada agenda kelestarian. Salah satu inisiatif ke arah ini adalah penubuhan Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim (JC3) yang diterajui oleh BNM dan SC. Antara usaha JC3 termasuklah pengenalan Taksonomi Perubahan Iklim dan Berdasarkan Prinsip (*Climate Change and Principle-based Taxonomy - CCPT*), pembangunan Taksonomi Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (*Sustainable and Responsible Investment - SRI*), serta pengemas kinian Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada 2021. Kesemua garis panduan tersebut akan meningkatkan peranan institusi kewangan dan pasaran modal dalam pembiayaan ke arah kelestarian. Usaha ini juga telah membantu sektor kewangan dan korporat untuk menyepadukan usaha alam sekitar, sosial dan pentadbiran (*environment, social & governance - ESG*) dalam penilaian pelaburan mereka.

- 3.9. Selain itu, BNM juga telah melancarkan Kemudahan Peralihan Karbon Rendah (*Low Carbon Transition Facility*) dengan dana bernilai sehingga RM1 billion. Dana tersebut akan disalurkan sebagai dana padanan dengan institusi kewangan yang terlibat, bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana beralih ke amalan yang lebih mampan dan rendah karbon.
- 3.10. Menteri Kewangan Malaysia juga telah menyertai Gabungan Menteri Kewangan untuk Tindakan Iklim (*Coalition of Finance Ministers for Climate Action - CFMCA*) sejak tahun 2020. Gabungan ini pada masa ini dianggotai oleh 73 buah negara dari setiap pelosok dunia dan tahap pembangunan ekonomi yang berbeza, mewakili 35% pelepasan karbon dunia dan 65% keluaran dalam negara kasar (*gross domestic product - GDP*) dunia, dengan sokongan 25 Rakan Kongsi Institusi (*Institutional Partners*). Malaysia akan terus memberikan komitmen terhadap 6 Prinsip Helsinki di bawah CFMCA dalam menggalakkan usaha tindakan iklim negara melalui dasar fiskal dan penggunaan kewangan awam yang telah disahkan dan disokong gabungan tersebut.

## **B. Inisiatif Baharu atau Dalam Perancangan**

- 3.11. Selain usaha sedia ada, MOF juga sedang menjalinkan kerjasama dengan pelbagai badan antarabangsa untuk memperkukuh keupayaan pembiayaan negara bagi memenuhi keperluan pembangunan SDG, pembangunan rendah karbon, pertumbuhan hijau serta agenda perubahan iklim negara. Salah satu projek yang sedang berjalan melibatkan kerjasama antara MOF dan UNDP ialah bagi mewujudkan sebuah Rangka Kerja Pembiayaan Bersepadu Kebangsaan (*Integrated National Financing Framework - INFF*). Rangka kerja ini merangkumi platform ke arah inovasi dan pembaharuan yang juga melibatkan kerjasama awam dan swasta dalam menentukan inisiatif yang perlu diberi keutamaan dan pembiayaan bagi mencapai pembangunan mampan dan SDG di peringkat negara.

- 3.12. Di samping itu, MOF dengan kerjasama dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Khazanah Nasional juga sedang mengkaji dan mengenal pasti punca atau sumber kewangan yang bersesuaian daripada badan kewangan dan mekanisme kewangan inovatif di peringkat antarabangsa bagi program dan projek berkaitan perubahan iklim.
- 3.13. Pada masa yang sama, MOF sedang mengadakan usaha sama dengan pelbagai pihak di dalam dan luar negara untuk membangunkan mekanisme harga karbon (*carbon pricing mechanism*) bagi Malaysia. Dalam hal ini, satu kajian sedang dijalankan bersama Bank Dunia bagi mengenal pasti mekanisme bersesuaian yang perlu dilaksanakan oleh Malaysia. Mekanisme tersebut boleh merangkumi cukai karbon, rasionalisasi subsidi, dan/atau skim perdagangan karbon (*Emissions Trading System - ETS*). Sebagai permulaan, MOF dengan kerjasama KASA dan Bursa Malaysia sedang membangunkan pasaran karbon sukarela (*Voluntary Carbon Market - VCM*) yang menyediakan satu platform jual beli kredit karbon dalam kalangan syarikat berdaftar awam (*Public Listed Companies*) dan pemilik aset hijau.

#### **4. JANGKAAN IMPAK**

- 4.1. Secara keseluruhan, semua usaha ini merupakan pendekatan seluruh negara (*whole nation approach*) yang akan membuka jalan bagi memastikan masa depan yang lebih mampan bagi Malaysia. Ia juga akan membangunkan industri kewangan negara yang lebih lestari serta menyeluruh, dan pada masa yang sama, melengkapkan usaha Kerajaan dalam mencapai agenda SDG, pembangunan rendah karbon, pertumbuhan hijau serta agenda perubahan iklim negara.
- 4.2. Dengan penghasilan satu kerangka kerja pembiayaan bagi pembangunan mampan, ianya akan dapat membolehkan penilaian dibuat berhubung keadaan aliran pembiayaan sedia ada, jurang semasa yang wujud, dan cadangan aliran pembiayaan yang diperlukan bagi melaksanakan pembangunan negara yang lebih mampan, selaras dengan komitmen

jangka masa sederhana dan panjang negara.

- 4.3. Selain itu, rangka kerja ini juga akan memberikan panduan mengenai penggunaan sumber-sumber pembiayaan yang bersesuaian dalam melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan negara dengan lebih telus, teratur, cekap dan tertumpu.

## **5. RUMUSAN**

- 5.1 Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan pembangunan yang seimbang merentasi setiap sektor serta meningkatkan kesejahteraan rakyat, rangka kerja pembiayaan bagi pembangunan mampan merupakan satu elemen penting yang perlu dibangunkan. Sehubungan itu, pembangunan rangka kerja ini perlu mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan ianya komprehensif, praktikal dan efektif untuk dilaksanakan. Melalui sesi konsultasi ini, MOF berharap inisiatif ini akan dapat ditambah baik selaras dengan keperluan semasa negara.

## **6. SOALAN DAN MAKLUM BALAS**

- 6.1 Melalui inisiatif sedia ada dan cadangan inisiatif akan datang, Kerajaan akan membangunkan rangka kerja pembiayaan mampan bagi membolehkan pembangunan negara disokong oleh penyediaan pembiayaan yang mencukupi bagi mencapai pelan jangka sederhana dan panjang termasuk agenda SDG, pembangunan rendah karbon, pertumbuhan hijau serta agenda perubahan iklim negara serta WKB2030. Apakah inisiatif lain yang boleh ditambah atau inisiatif sedia ada yang boleh ditambah baik?
- 6.2 Apakah sumber-sumber pembiayaan, sama ada dari dalam atau luar negara yang boleh dicadangkan bagi meningkatkan lagi kepelbagaian sumber kewangan bagi membiayai pembangunan negara yang mampan?

- 6.3 Apakah aspek yang perlu ditekankan oleh Kerajaan bagi memastikan kejayaan setiap usaha pembiayaan program atau projek berkaitan SDG, pembangunan rendah karbon, pertumbuhan hijau serta agenda perubahan iklim negara?